

Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Kolej Sepuluh dengan sokongan Yayasan Food Bank Malaysia (YFBM) melaksanakan Program Santuni Warisan @ Literasi Kelas Rimba Bateq (KRB) dengan menyantuni masyarakat Orang Asli suku Bateq di Pahang, baru-baru ini.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini bertujuan memperkasa pendidikan asas anak-anak suku Bateq sebagai persediaan ke sekolah aliran perdana serta memperkenalkan pembelajaran dalam suasana budaya, aktiviti seni dan rekreasi.

Pengarah Program, Wan Nur Camelia Wan Mohd Rozaini berkata, program itu bukan sekadar berkongsi ilmu, tetapi juga memberi peluang kepada sukarelawan untuk memahami budaya masyarakat Bateq dengan lebih dekat.

Santuni Orang Asli suku Bateq tiga hari

FOTO IHSAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)



PROGRAM dilaksanakan untuk memperkasa pendidikan asas anak-anak suku Bateq.

“Kami saling berkongsi ilmu dan kami turut belajar daripada mereka.

“Pengalaman ini membuktikan bahawa pendidikan dan hubungan antara komuniti boleh terjalin melalui keikhlasan serta rasa hormat,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Pemantau Program Amir Heiqal Rusli pula berkata, aktiviti dijalankan memberi peluang kepada peserta merasai sendiri kehidupan masyarakat suku Bateq termasuk berenang, bermain rakit buluh dan meneroka

sungai.

“Sungai ini bukan sekadar tempat bermain, tetapi sebahagian kehidupan mereka.

“Keberanian dan kebolehan mereka luar biasa. Ini pengalaman berharga yang memberi perspektif baharu kepada

semua,” katanya.

Selain aktiviti luar, program turut menekankan aspek pendidikan bagi membantu anak-anak suku Bateq menguasai kemahiran asas pembelajaran.

Selain itu, mahasiswa tahun tiga Bachelar Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan, UPM,

Nur Hidayah Abdul Halim berkata, program berkenaan memberi impak positif apabila pelajar di Kelas A dan B sudah mampu membaca, menulis dan mengira.

“Hasil usaha KRB jelas apabila ada dalam kalangan mereka yang sudah boleh bertutur dalam bahasa Inggeris.

“Sukarelawan juga menggunakan pendekatan kreatif bagi memastikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan,” katanya.



PELBAGAI aktiviti yang dilaksanakan.